

### Pengenalan

Perkataan untung menurut Kamus Dewan membawa maksud hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan seperti perusahaan, perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan.

Dalam ekonomi, untung merupakan sejumlah wang bayaran kepada faktor-faktor pengeluaran setelah ditolak daripada pendapatan bagi hasil keluaran sesebuah syarikat. Untung wujud apabila sesebuah firma telah berjaya menghasilkan 'untung normal' akibat daripada persamaan yang wujud antara jumlah hasil dan jumlah kos.

Dalam bidang perakaunan pula, untung terhasil daripada pengurangan pelbagai kos yang dibelanjakan daripada hasil jualan yang diperolehi.

### Definisi Untung Menurut Pandangan Yang Berbeza

Menurut bahasa Arab, untung adalah lebihan dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua unsur pengeluaran utama iaitu usaha dan modal.

#### Imam Al-Tabari;

Keuntungan daripada para peniaga ialah pertukaran daripada suatu barang yang dimiliki sama ada nilai pertukaran itu sama atau melebihi harga belian barang terebut.

#### Al-Nisaburi;

Keuntungan adalah suatu tambahan keatas modal dan perniagaan pula ialah suatu usaha untuk mendapatkan lebihan melalui modal.

#### Imam al-Alusi;

### Definisi Untung Menurut Pandangan Yang Berbeza (cont)

Keuntungan adalah usaha untuk mendapatkan lebihan modal melalui modal atau *tahsil al-ziyadah 'ala ra's al-mal*.

### Konsep Untung

#### Para Fuqaha;

Zakat Keuntungan bermaksud pertambahan keatas modal dan ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat.

al-Mur-abahah Keuntungan mempunyai dua pengertian yang dapat disimpulkan iaitu **pertambahan ke atas modal** dan **pertambahan ke atas modal setelah setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam memperoleh lebihan tersebut**.

### Bab Zakat

#### Imam Al-Mawardi; Ibn Qudamah;

Menyatakan bahawa zakat itu wajib ke atas harta yang berpotensi untuk berkembang berkembang sama ada menerusi usaha atau berkembang dengan sendirinya. Menghuraikan harta yang berpotensi untuk berkembang antaranya adalah barang perniagaan berpotensi untuk mendapat keuntungan.

#### Al-Kasani;

Menyatakan zakat tidak diperolehi kecuali dari harta yang berkembang.

### Bab Al-Mudarabah

#### Imam Malik; Dr.Muhammad Salah;

Untung dianggap berlaku sama ada sesuatu harta itu dicairkan ataupun tidak. Untung adalah matlamat asasi bagi firma ataupun syarikat dimana segala aktiviti ekonomi yang diceburi akan melibatkan proses penjanaan untung seperti jual beli.

#### Ibn Khaldun; Ibn Qudamah;

Mengistilahkan untung sebagai nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia. Mengistilahkan untung sebagai satu lebihan ke atas modal.

#### Khurshid Ahmad & Muhammad Nejatullah Siddiqi;

Mendefinisikan untung sebagai apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana mengikut hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran bebas.

### Kriteria Keuntungan

- i. Keuntungan bukan berasal daripada perbuatan riba.
- ii. Keuntungan bukan daripada usaha penipuan dengan menyembunyikan fakta.
- iii. Keuntungan bukan daripada perbuatan penipuan.

### Pembahagian Keuntungan Pendekatan Fuqaha'

Terbahagi kepada dua bentuk iaitu *al-ghabn al-fahisy* dan *al-ghabn al-yasir*. Terdapat juga dua pendekatan yang membezakannya iaitu ukuran yang tetap (*al-mi'yar al-jamid*) dan yang kedua menggunakan ukuran yang fleksibel (*al-mi'yar al-marin*).



### Ukuran Yang Tetap

#### Al-Khajnadi;

*al-ghabn al-fahisy* adalah pada takat melebihi *nisf al-'usyur*, manakala *al-ghabn al-yasir* pula tidak melebihi *nisf al'usyur* atau tepat pada kadar *nisf al-'usyur*.

#### Ibn Yahya al-Balkhi;

Berpandangan *al-ghabn* pada barang perniagaan adalah *nilf al-'usyur*, pada haiwan adalah *al-'usyur* iaitu (1/10) dan pada barang tak alih atau *al-'aqar* adalah sebanyak *al-khumus* (1/5). Keuntungan melebihi ketentuan ini dianggap sebagai *al-fahisy* atau melampau.

#### Golongan Syafi'e;

melihat *al-ghabn al-fahisy* berlaku ketika mana kadar keuntungan yang diambil adalah melebihi *al-thuluth* (1/3).

#### Golongan Hanbali;

Terjadinya *al-ghabn al-fahisy* adalah pada kadar *al-thuluth* (1/3) dan *al-sudus* (1/6).

#### Al-Mardawi;

Al-Mardawi melebihkannya seperti mana sebahagian yang lain pada kadar *al-rubu'* (1/4).

#### Golongan al-'Ibadiyyah;

Menetapkan kadar *al-thuluth* (1/3) atau menganggap sesuatu lebihan yang wujud dalam urus niaga sebagai *al-ghabn al-fahisy*.

### Ukuran Yang Fleksibel

#### Ibn 'Abidin;

*al-ghabn al-fahisy* sebagai suatu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pentaksir (*al-muqawwim*). Sekiranya kadar keuntungan melebihi taksiran pentaksir, keuntungan tersebut akan dianggap *al-ghabn al-fahisy*.

#### Sebahagian Ulama' Maliki;

Mempunyai pandangan yang berbeza dalam penetapan kadar *al-ghabn* tersebut sama ada pada kadar (1/3) atau lebih. Ada yang mengatakan tidak ada had tertentu, tetapi disandarkan kepada tradisi atau kebiasaan yang berlaku sesama peniaga. Jika didapati berlaku *al-taghabun* (saling melakukan), maka tiada pilihan bagi *al-maghabun* (mangsa keadaan). Jika berlaku di luar kebiasaan, maka *al-maghabun* mempunyai pilihan.

#### Al-Mardawi;

Nisbah *al-ghabn* atau keuntungan perlu mengambil kira *al-'uruf* semasa kebiasaan dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi. Nisbah tersebut hendaklah sikit sahaja supaya pulangan modal diperoleh dengan mudah.



By **ain\_rosli**  
[cheatography.com/ain-rosli/](https://cheatography.com/ain-rosli/)

Not published yet.  
Last updated 9th July, 2020.  
Page 2 of 2.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**  
Learn to solve cryptic crosswords!  
<http://crosswordcheats.com>